

KERTAS CADANGAN (PROPOSAL) KAJIAN TINDAKAN

1. Kertas cadangan (Proposal) Kajian Tindakan

Kertas cadangan atau proposal kajian tindakan ialah penjelasan ringkas tentang beberapa perkara yang ingin dimaklumkan atau pelan tindakan penyelidik tentang projek kajian tindakan yang akan dilaksanakan. Penjelasan ringkas itu menjawab persoalan seperti:

- Apakah tajuk kajian yang akan dilaksanakan?
- Apakah isu yang dikenal pasti?
- Apakah objektifnya?
- Bagaimanakah kita akan melaksanakan kajian?
- Berapa lamakah tempoh pelaksanaannya?
- Berapakah kos yang diperlukan?

Kertas cadangan (proposal) kajian tindakan disediakan sebelum sesuatu kajian tindakan dijanakan. Ia boleh disediakan di sepanjang tahun.

2. Fungsi Kertas Cadangan (Proposal) Kajian Tindakan

Kertas cadangan (proposal) kajian tindakan merupakan satu panduan yang menyatakan objektif kajian, langkah-langkah menjalankan kajian, peralatan yang akan digunakan atau tempoh pelaksanaan kajian semasa menjalankan kajian tindakan. Proposal membantu penyelidik menjalankan kajian dengan lebih terancang.

3. Kandungan Dalam Kertas Cadangan (Proposal) Kajian Tindakan

Kertas cadangan (proposal) kajian tindakan tidak mempunyai format yang khusus. Namun begitu, berikut adalah panduan asas untuk memudahkan kita menulis kertas cadangan (proposal) kajian tindakan:

- Nama Sekolah (beserta alamat penuh)
- Kumpulan Penyelidik
- Tajuk Kajian
- Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)
- Isu Keperihatinan / Fokus Kajian
- Objektif Kajian
- Kumpulan Sasaran
- Tindakan Yang Dicadangkan
- Jadual Pelaksanaan
- Kos Kajian

4. Syarat untuk Mendapatkan Pembiayaan Kertas Cadangan Kajian Tindakan (sekiranya di bawah peruntukan Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan)

Kelulusan sesuatu kertas cadangan (proposal) kajian tindakan serta jumlah kos yang ditawarkan bergantung kepada penilaian terhadap perkara-perkara berikut:

- Bilangan pelajar yang terlibat dalam kajian
- Objektif kajian
- Bilangan aktiviti yang akan dilaksanakan

- Bahan yang akan digunakan
- Kos yang terperinci

Kos kajian hendaklah dinyatakan dengan terperinci dari segi:

- Jumlah bahan yang diperlukan,
- Harga bagi satu unit bahan,
- Jumlah kos secara keseluruhan bagi tiap-tiap jenis bahan

5. Panduan Asas Menyediakan Kertas Cadangan Kajian Tindakan

Bahagian	Proses / Penjelasan	Contoh Penulisan
1. Tajuk Kajian	<p>a. Tajuk ditentukan dengan mengenal pasti kemahiran yang ingin dikaji.</p> <p>b. Tajuk hendaklah ringkas, mengandungi hala tuju kajian, tindakan dan sasaran kajian.</p>	<p>1. Tajuk Kajian: Memperkaya Kosa Kata Pelajar Tingkatan 4 Bestari Dengan Menggunakan Program Sehari Selembar Benang dan Program 200-4.</p> <p style="text-align: center;"><i>Atau:</i></p> <p>Program Sehari Selembar Benang: Memperkaya Kosa Kata Pelajar Tingkatan 4 Bestari</p>
2. Nama penyelidik	Catatkan nama penuh penyelidik / kumpulan	2. Nama Penyelidik: Salmiah bt. Sidek
3. Nama Sekolah	Catatkan nama sekolah beserta alamat lengkap	3. Nama Sekolah: SMK Aior Akar Jalan Tengku Muhammad 25050, Kuantan Pahang Darul Makmur
4. Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran		<p>4. Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Lalu</p> <p>Sewaktu saya menyemak karangan pelajar Tingkatan 4 Bestari. saya rasa sungguh terkejut kerana saya dapati walaupun mereka telah berada di menengah atas, tahap penguasaan kosa kata di kalangan pelajar ini sungguh terhad. Isi yang ditulis juga tidak berkembang. Selain itu, masih ramai pelajar yang melakukan kesilapan ejaan. Banyak ayat tergantung dibina oleh pelajar. Mereka menggunakan perkataan yang biasa mereka gunakan dan berulang-ulang apabila ingin menghuraikan tentang sesuatu perkara. Dalam ujian Topikal 1 iaitu soalan 2 yang hanya meminta pelajar menulis ayat berasaskan perkataan yang diberi, saya dapati 37% daripada jumlah pelajar dari kelas ini tidak menjawab soalan ini. Apabila saya tanyakan kepada para pelajar tentang keadaan ini, jawapan yang mereka berikan mudah sahaja iaitu "cikgu tak ajar pun perkataan tu...". Ada juga di kalangan pelajar yang menanyakan kepada saya markah bagi bahagian membina ayat itu. Saya lihat seolah-olah mereka telah patah semangat untuk memahami dan memperkaya kosa</p>

Bahagian	Proses / Penjelasan	Contoh Penulisan
		<p>kata mereka. Apabila saya tanyakan kepada mereka, jawapan yang mereka berikan ialah " terlalu banyak perkataan baru... susah untuk kami faham maksudnya." Saya menyedari ramai di kalangan pelajar bukan Melayu di kelas ini mempunyai asas bahasa yang agak lemah.</p> <p>Perlukah saya ajar semua kosa kata yang terdapat dalam Kamus Dewan untuk memperkaya kosa kata pelajar? Adakah cara saya mengajar selama ini dapat membantu pelajar menambahkan kosa kata mereka? Apakah yang boleh saya lakukan untuk menarik minat pelajar memperkaya kosa kata mereka?. Mampukah saya menjalankan aktiviti secara bersendirian untuk membantu pelajar saya?. Apabila saya bincangkan perkara ini dengan rakan-rakan dalam mesyuarat panitia, ada guru mengatakan yang pelajar hari ini malas membaca dan suka disuapkan apa-apa sahaja ilmu yang diperlukan untuk membolehkan mereka cemerlang apabila menjawab soalan. Namun begitu, apakah tindakan yang boleh dilakukan bagi menangani masalah ini?</p> <p>Saya telah berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran namun masih ramai pelajar yang mempunyai kosa kata yang amat terhad. Saya berpendapat lemahnya penguasaan kosa kata di kalangan mereka ialah disebabkan kurangnya penjelasan serta tumpuan terhadap pentingnya aspek kosa kata yang saya berikan sama ada semasa proses P&P atau aktiviti sampingan di luar bilik darjah. Kelemahan ini juga merupakan rentetan daripada pengabaian guru termasuklah saya terhadap kepentingan penguasaan kosa kata. Sekiranya saya tidak membetulkan keadaan ini, saya pasti pelajar kelas ini tidak dapat menjawab dengan baik soalan karangan dan juga soalan membina ayat bagi kertas 2 yang akhirnya akan menyebabkan kemerosotan nilai GNP sekolah saya.</p>
<p>5. Isu / Keperihatinan Yang Dikaji</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tentukan tema / isu keprihatinan kajian / masalah / • Rumuskan masalah yang dikenalpasti daripada refleksi yang dibuat pada langkah 1. 	<p>5. Isu Keprihatinan / Fokus Kajian</p> <p>Walaupun saya mengesan banyak masalah yang dihadapi oleh pelajar saya, saya hanya akan fokuskan kajian ini kepada masalah penguasaan kosa kata. Pelajar saya mempunyai kosa kata yang sangat terhad. Mereka hanya mampu menggunakan perkataan yang biasa mereka temui dan gunakan semasa di sekolah rendah. Mereka melakukan banyak kesilapan apabila menulis ayat. Kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesilapan penggunaan perkataan dalam ayat. • Pelajar menggunakan kosa kata yang berulang-ulang dalam satu ayat menjadikan ayat itu tidak gramatis. • Pelajar tidak menjawab soalan bina ayat kerana tidak faham maksud perkataan yang diberi.

Bahagian	Proses / Penjelasan	Contoh Penulisan
		<p>Dengan membantu pelajar memperkaya kosa kata. saya yakin pelajar boleh membina ayat yang tepat, jelas dan gramatis. Hal ini seterusnya diharapkan akan dapat membantu mereka lulus dengan baik dalam Kertas Bahasa Melayu SPM, Keadaan ini juga pasti akan meningkatkan nilai GNP sekolah saya.</p>
<p>6. Tentukan Objektif Kajian</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif kajian terdiri daripada objektif umum dan objektif khusus. • Objektif hendaklah berkaitan dengan masalah. • Objektif hendaklah berkaitan dengan aktiviti / tindakan. • Objektif hendaklah boleh diukur. • Semua objektif khas hendaklah diukur / nilai semasa menjalankan tindakan / aktiviti. 	<p>6. Objektif Kajian Selepas kajian ini selesai dijalankan, pelajar-pelajar diharap akan mencapai objektif berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Objektif Umum Meningkatkan nilai GNP sekolah dengan peningkatan peratus kelulusan Bahasa Melayu. ii. Objektif Khusus <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan bilangan kosa kata baru yang diketahui dan difahami oleh para pelajar. • Meningkatkan keupayaan mengaplikasi perkataan baru dalam ayat yang dibina oleh pelajar • Membantu pelajar menguasai kemahiran belajar dengan merujuk kamus bagi meningkatkan penguasaan kosa kata mereka. • Meningkatkan peratus pelajar yang mendapat markah yang cemerlang bagi bahasa dalam penulisan karangan.
<p>7. Kumpulan Sasaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sebutkan bilangan pelajar yang dikaji (mestilah kumpulan pelajar yang diajar oleh penyelidik). • Sebutkan kelas pelajar yang dikaji. 	<p>7. Kumpulan Sasaran Kajian ini melibatkan 30 orang pelajar Tingkatan 4 Bestari yang terdiri daripada 10 orang pelajar Melayu, 2 orang pelajar India dan 18 orang pelajar Cina.</p>
<p>8. Tindakan yang dicadangkan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Nyatakan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan 	<p>8. Tindakan yang dicadangkan</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Tinjauan Masalah Sebelum langkah-langkah yang seterusnya diambil dalam menjalankan kajian ini, tinjauan terhadap masalah yang dikenal pasti akan dibuat bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam masalah tersebut. Tinjauan dilakukan dengan mengutip data seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Ujian khas membina ayat berasaskan perkataan yang

Bahagian	Proses / Penjelasan	Contoh Penulisan									
		<p>diberi bagi menganalisis kelemahan penguasaan kosa kata.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan karangan pelajar bagi mengesan kesilapan penggunaan perkataan dalam ayat penggunaan kosa kata yang berulang-ulang dalam satu ayat. <p>Ujian Lisan Berasaskan Sekolah bagi mengesan penguasaan kosa kata pelajar</p> <p>ii. Program "Sehari Selembar Benang"</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cara Pelaksanaan: • Guru mengumumkan sepatah perkataan sehari beserta definisi dan contoh ayat dalam perhimpunan pagi • Pelajar mencatat dalam buku catatan khas • Guru menampal perkataan pada papan kenyataan • Guru meminta pelajar mengaplikasikan penggunaan perkataan dalam karangan yang ditulis - 2 minggu sekali. • Guru menganalisis karangan pelajar <p>iii. Program 200-4</p> <p>(200 perkataan dalam tempoh 4 minggu) Cara Pelaksanaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Guru meminta pelajar mencatat perkataan sukar daripada teks yang dibaca serta mencatat perkataan tersebut dalam buku catatan. ▪ Pelajar merujuk kamus untuk mengetahui maksud dan mencatatkan dalam buku catatan. ▪ Pelajar membina ayat berasaskan perkataan yang dicari maksud. ▪ Selepas 4 minggu guru menggabungkan semua perkataan yang dikumpul oleh 30 orang pelajar serta mencetakkannya untuk diedarkan kepada semua pelajar. ▪ Guru menguji ingatan dan pengetahuan pelajar dengan mengadakan ujian khas. ▪ Aktiviti-aktiviti ini akan diubah suai mengikut keperluan setelah saya melaksanakan tinjauan awal. 									
<p>9. Jadual Pelaksanaan Kajian</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Boleh dibuat dalam bentuk jadual / carta gantt. ▪ Memasukkan aktiviti yang dirancang bagi menjalankan kajian. ▪ Memasukkan tarikh tentatif 	<p>9. Jadual Pelaksanaan Kajian</p> <table border="1" data-bbox="732 1593 1333 1818"> <thead> <tr> <th data-bbox="732 1593 781 1671">Bil</th> <th data-bbox="781 1593 1146 1671">Aktiviti</th> <th data-bbox="1146 1593 1333 1671">Tarikh Pelaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="732 1671 781 1749">1</td> <td data-bbox="781 1671 1146 1749">Mengenal pasti masalah dan pengumpulan data awal.</td> <td data-bbox="1146 1671 1333 1749">5 Februari, 2004</td> </tr> <tr> <td data-bbox="732 1749 781 1818">2</td> <td data-bbox="781 1749 1146 1818">Menulis kertas cadangan / proposal Kajian.</td> <td data-bbox="1146 1749 1333 1818">13 Februari, 2004</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan	1	Mengenal pasti masalah dan pengumpulan data awal.	5 Februari, 2004	2	Menulis kertas cadangan / proposal Kajian.	13 Februari, 2004
Bil	Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan									
1	Mengenal pasti masalah dan pengumpulan data awal.	5 Februari, 2004									
2	Menulis kertas cadangan / proposal Kajian.	13 Februari, 2004									

Bahagian	Proses / Penjelasan	Contoh Penulisan											
	kajian akan dijalankan. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tarikh mungkin berubah mengikut keperluan / keadaan semasa 	3	Merancang Tindakan - (individu / panitia).	18 Februari, 2004									
		4	Melaksanakan tindakan - aktiviti 1.	23 Februari, 2004									
		5	Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 1 (dalam panitia).	27 Februari, 2004									
		6	Melaksanakan tindakan - aktiviti 2.	5 Mac, 2004									
		7	Mengenal pasti masalah dan pengumpulan data awal.	5 Februari, 2004									
		8	Menulis proposal Kajian.	13 Februari, 2004									
		9	Merancang Tindakan - (individu / panitia).	18 Februari, 2004									
		10	Melaksanakan tindakan - aktiviti 1.	23 Februari, 2004									
		11	Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 1 (dalam panitia).	27 Februari, 2004									
		12	Melaksanakan tindakan - aktiviti 2.	2 Mac, 2004									
		13	membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 2 (dalam panitia).	8 Mac, 2004									
		14	Melaksanakan tindakan - aktiviti 3.	10 Mac, 2004									
		15	Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 3 (dalam panitia).	12 Mac, 2004									
		16	Ujian untuk mengesan pencapaian murid.	19 Mac, 2004									
		17	Refleksi kajian.	20 Mac, 2004									
		18	Menulis laporan Kajian.	21 Mac, 2004									
		19	Pembentangan dapatan kajian.	28 Mac, 2004									
10. Jumlah Peruntukan Yang Dipohon	Jelaskan dengan terperinci segala bahan yang akan digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Apakah bahan yang akan 	10. Kos Kajian <table border="1" data-bbox="727 1688 1328 1871"> <thead> <tr> <th data-bbox="727 1688 781 1793">Bil</th> <th data-bbox="781 1688 971 1793">Jenis Bahan</th> <th data-bbox="971 1688 1143 1793">Kuantiti X Harga Seunit</th> <th data-bbox="1143 1688 1328 1793">Jumlah Kos</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="727 1793 781 1871">1.</td> <td data-bbox="781 1793 971 1871">Kertas A4</td> <td data-bbox="971 1793 1143 1871">10 x RM8.00</td> <td data-bbox="1143 1793 1328 1871">RM 80.00</td> </tr> </tbody> </table>				Bil	Jenis Bahan	Kuantiti X Harga Seunit	Jumlah Kos	1.	Kertas A4	10 x RM8.00	RM 80.00
Bil	Jenis Bahan	Kuantiti X Harga Seunit	Jumlah Kos										
1.	Kertas A4	10 x RM8.00	RM 80.00										

Bahagian	Proses / Penjelasan	Contoh Penulisan																											
	<p>digunakan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kuantiti bahan yang akan digunakan ▪ Harga seunit bahan yang diperlukan ▪ Harga keseluruhan bagi bahan yang dipohon ▪ Guru boleh mengabaikan item ini sekiranya guru tidak memerlukan peruntukan kewangan untuk menjalankan kajian tindakan ▪ Guru tidak boleh memasukkan perbelanjaan perjalanan, jamuan yang diadakan, cenderahati dan perkara-perkara lain yang tidak berkaitan ▪ Sila simpan semua resit pembelian bahan / alatan yang digunakan untuk tujuan tuntutan peruntukan yang telah diluluskan. 	<table border="1" data-bbox="732 268 1333 688"> <tbody> <tr> <td data-bbox="732 268 781 342">2.</td> <td data-bbox="781 268 971 342">Printer Cartridge</td> <td data-bbox="971 268 1138 342">1 x RM 65.00</td> <td data-bbox="1138 268 1333 342">RM 65.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="732 342 781 390">3.</td> <td data-bbox="781 342 971 390">Kamus Dewan</td> <td data-bbox="971 342 1138 390">1 x RM 45.00</td> <td data-bbox="1138 342 1333 390">RM 45.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="732 390 781 495">4.</td> <td data-bbox="781 390 971 495">Potostat Bahan & laporan kajian</td> <td data-bbox="971 390 1138 495"></td> <td data-bbox="1138 390 1333 495">RM 50.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="732 495 781 569">5.</td> <td data-bbox="781 495 971 569">White board (3' X 2')</td> <td data-bbox="971 495 1138 569">1 x RM 45.00</td> <td data-bbox="1138 495 1333 569">RM 45.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="732 569 781 642">6.</td> <td data-bbox="781 569 971 642">Buku catatan guru</td> <td data-bbox="971 569 1138 642">1 x 2.00</td> <td data-bbox="1138 569 1333 642">RM 2.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="732 642 781 688"></td> <td data-bbox="781 642 971 688">JUMLAH</td> <td data-bbox="971 642 1138 688"></td> <td data-bbox="1138 642 1333 688">RM 287.00</td> </tr> </tbody> </table>				2.	Printer Cartridge	1 x RM 65.00	RM 65.00	3.	Kamus Dewan	1 x RM 45.00	RM 45.00	4.	Potostat Bahan & laporan kajian		RM 50.00	5.	White board (3' X 2')	1 x RM 45.00	RM 45.00	6.	Buku catatan guru	1 x 2.00	RM 2.00		JUMLAH		RM 287.00
2.	Printer Cartridge	1 x RM 65.00	RM 65.00																										
3.	Kamus Dewan	1 x RM 45.00	RM 45.00																										
4.	Potostat Bahan & laporan kajian		RM 50.00																										
5.	White board (3' X 2')	1 x RM 45.00	RM 45.00																										
6.	Buku catatan guru	1 x 2.00	RM 2.00																										
	JUMLAH		RM 287.00																										